

TR 2:9:71

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
PESTA SUKAN MAJLIS KEBAJIKAN DAN
SUKAN DI PULAU PINANG PADA 10HB
SEPTEMBER, 1971

Y.A.B. Dr Lim Chong Eu,¹ Y.B. Tan Sri Kadir Shamsuddin,
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya amat sukacita serta gembira kerana dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam suasana Pesta Sukan yang begitu ramai dan meriah pagi ini.

Meskipun sebenarnya saya diminta melakukan pembukaan rasmi Kejohanan Olahraga ini, saya menganggap peristiwa ini sebagai satu kesempatan yang amat baik kerana dapat bertemu dengan sebilangan ramai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dari seluruh Malaysia.

Barangkali pada Kejohanan akan datang pihak-pihak yang tidak dapat mengambil bahagian seperti Sarawak dan lain-lain akan dapat hadir menikmati suasana riang gembira Kejohanan Olahraga.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia dan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Majlis yang telah berusaha sedaya upaya mengaturkan perjalanan Pesta Sukan ini.

Begitu juga kita semua berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, khasnya kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Dr Lim, yang telah bermurah hati menjadi tuan rumah tahun ini dan menyediakan persiapan-persiapan untuk peserta-peserta semua. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang baru pertama kali datang ke Pulau Mutiara ini akan dapat merasakan suasana enak dan nyaman serta keindahan Pulau Pinang yang terkenal seluruh dunia. Kita turut berbangga bahawa inilah kali ke lima belas Pesta Sukan diadakan yang menandakan sedikit sebanyak kemajuan yang telah kita capai selama ini.

¹ Ketua Menteri Pulau Pinang, 1969.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sepertimana telah dikatakan oleh Yang Dipertua tadi, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat serta menggalakkan sports dan recreation di kalangan kakitangannya. Saya berpegang teguh kepada kata-kata "a sound mind in a healthy body" kerana pada pengalaman saya sendiri seorang pegawai atau kakitangan yang sihat dan cergas akan memberikan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan. Dengan tujuan itulah Kerajaan telah bertindak memendekkan masa kerja supaya kakitangan Kerajaan berpeluang mengambil riazah atau recreation dalam apa cara jua.

Begitu pula Kerajaan Pusat dan Negeri masing-masing mengadakan banyak kemudahan untuk kegunaan kakitangan seperti padang-padang permainan, golf course dan lain-lain lagi. Di samping itu, Kerajaan telah juga membentuk Majlis Sukan Anggota Kerajaan dan juga Majlis Sukan Sekolah-sekolah supaya kegiatan sukan dalam semua bidang dapat diselaraskan dan dimajukan untuk kepentingan bangsa dan negara.

Berhubung dengan ini, saya menyokong penuh sikap baru terhadap kemajuan sukan dengan menggunakan cogan kata "Maju sukan untuk Negara," sebagai ganti cogan kata yang lama. Masanya sudah sampai bagi kita mengubah sikap iaitu sebarang kegiatan baik sukan, seni dan lain-lain hendaklah ditimbang dari segi kepentingan negara.

Memandang pada kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan, saya yakin anggota Kerajaan akan menyambut cabaran di depan mereka untuk meninggikan mutu dan standard di lapangan masing-masing. Saya mendapat faham, kejohanan ini membuka peluang kepada bakal-bakal calon untuk mewakili Malaysia dalam Sukan SEAP akhir tahun ini. Oleh itu, tentulah tuan-tuan dan puan-puan akan bersungguh-sungguh menunjukkan kebolehan yang luar biasa dan cuba membuat rekod-rekod baru dalam Kejohanan ini kelak.

Peserta-peserta semua tentu dapat mengambil inspirasi dari jaguh-jaguh kebangsaan kita yang turut serta seperti Nashatar Singh, Fadzillah Ahmad antara lain-lain, yang saya harap dapat memecahkan rekod-rekod yang ada serta mencatatkan rekod-rekod baru.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dalam ucapannya sebentar tadi, Tuan Yang Dipertua ada menyebut tentang sikap kurang simpatik dari pihak Perbendaharaan mengenai allocation tahunan untuk memajukan kegiatan sukan. Barangkali mereka yang berkenaan "take it seriously" ingatan saya iaitu dalam masa pembangunan besar-besaran ini, biarlah kita kurangkan sedikit kegiatan-kegiatan sosial dan sukan untuk menumpukan perhatian yang berat kepada rancangan-rancangan pembangunan.

Bagaimanapun, saya bolehlah janjikan kepada tuan-tuan dan puan-puan semua iaitu Kerajaan akan terus membantu seberapa yang patut supaya Pesta Sukan tahunan Majlis ini merupakan mini-MAAU di masa hadapan. Saya memuji langkah Majlis mencari sumber-sumber kewangan seperti mengadakan loteri kerana inilah cara kita membuktikan kesanggupan berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada pihak Kerajaan.

Masa depan sukan di negara adalah semakin cerah dengan tindakan menyusun semula Jabatan Sukan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kalau selama ini belum ada usaha perancangan yang teratur, saya percaya keadaan ini akan dibaiki segera tidak lama lagi. Oleh itu, baik Majlis Kebajikan dan Sukan, mahu pun badan sukan yang begitu banyak di negara kita akan mendapat sokongan dan galakan yang lebih berkesan untuk meningkatkan usaha-usahanya.

Masa ini nampaknya ada kelesuan sedikit dalam bidang sukan kita. Pasukan Bola kita tidak begitu bersemangat semasa Pesta Bola Merdeka, begitu pula pasukan Hoki kita termasuk Hoki Wanita sekali. Kelemahan ini hendaklah kita atasi dan saya yakin Majlis Kebajikan dan Sukan ini akan memainkan peranan penting untuk meninggikan mutu sukan negara di masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan untuk hadir bersama-sama di sini. Kepada peserta-peserta semua, saya berharap semuga peristiwa ini tambah mengeratkan tali muhibbah antara semua sambil bertanding kebolehan masing-masing dengan semangat sportsmanship yang tinggi.

Saya dengan sukacitanya mengistiharkan Kejohanan Olahraga Anggota-anggota Kerajaan Malaysia ini dimulakan dan berharap mendapat sepenuh kejayaan.